


Isikan ruangan di bawah dengan jawapan yang betul.



Soalan Objektif

Pilih jawapan yang paling tepat.

- 1 Semua nilai kemasyarakatan di bawah sepatutnya diamalkan dalam masyarakat di negara kita, **kecuali**
A bertolak ansur sesama sendiri.
B membuat hal masing-masing.
C bekerjasama dalam segala hal.
D menghormati anutan agama lain.
- 2 Negara kita aman tanpa peperangan. Salah **satu** kesan peperangan ialah
A banyak nyawa yang hilang.
B harta benda akan terpelihara.
C nilai mata wang naik mendadak.
D rakyat mudah membina hidup baru.
- 3 Nikmat _____ yang dipinjamkan Tuhan kepada kita perlulah sentiasa dijaga.
A makanan C kekayaan
B kesihatan D kepintaran
- 4 Setiap ajaran agama meminta kita agar tidak
A hidup aman dan damai.
B menjaga adab.
C berkata benar.
D bermusuhan.
- 5 Pilihan padanan yang **salah** mengikut kepercayaan agama.
A Buddha meminta penganutnya hidup dalam aman dan menyelesaikan sengketa dengan baik.
B Penganut Sikh disuruh untuk sentiasa bersangka buruk kepada orang di sekeliling.
C Islam menyuruh umatnya menghormati penganut agama lain.
D Hindu mementingkan ikatan persaudaraan.

Soalan Subjektif

Isikan tempat kosong dengan jawapan yang betul.

keharmonian

harga diri

bersyukur

Undang-undang

bertanggungjawab

- 1 Kita sepatutnya selalu berasa _____ kerana dapat hidup di bumi Malaysia yang aman dan sejahtera.
- 2 Pemimpin yang _____ tidak akan mendedahkan rahsia negara kepada negara luar.
- 3 Apabila rakyat pelbagai agama dapat mengekalkan perpaduan, maka _____ negara akan terpelihara.
- 4 _____ yang dilaksanakan dapat mengekang perbuatan salah laku dalam negara kita.
- 5 Murid yang mempunyai _____ yang tinggi akan sentiasa menjaga adab dan perbuatannya.